

Kategori A - Markah anda di antara 136 - 170

Tahap kemahiran komunikasi anda adalah baik dan boleh dibanggakan. Anda memerlukan sedikit peningkatan dalam cara-cara berkomunikasi dengan baik. Kemahiran bersosial anda juga adalah memuaskan dan anda mudah untuk bergaul dengan sesiapa sahaja tidak kira umur atau latar belakang.

Anda mempunyai keyakinan diri yang tinggi, tegas dan mampu menyesuaikan diri dengan pelbagai situasi. Semua ini disebabkan anda mempunyai penghayatan yang tinggi dalam sesuatu perbincangan.

Anda seorang pendengar yang baik dan memberi peluang kepada orang lain untuk berbicara dan mengeluarkan pendapat tanpa mengganggu. Anda juga selalunya memahami apa-apa yang cuba disampaikan. Sekiranya anda kurang faham, anda tidak teragak-agak untuk bertanya.

Selain menjadi pendengar yang baik, anda juga mampu menyampaikan mesej anda kepada pendengar dengan efektif. Anda faham dan tahu pendekatan yang terbaik untuk menyampaikan sesuatu maklumat.

Anda juga tidak segan silu untuk menyuarakan pendapat walaupun tahu bahawa pendapat anda mungkin ditentang oleh majoriti pendengar. Anda juga berani untuk mengkritik secara terbuka, tetapi cukup lembut dan penuh diplomasi sehingga sukar untuk membuat orang lain tersinggung.

Anda mampu mengawal emosi dan tidak akan mendedahkan perasaan yang bergolak dalam hati anda, walaupun agak sukar dilakukan. Anda juga tidak takut untuk menyentuh topik-topik yang

sedih dan menyentuh perasaan.

Salah satu kebolehan anda yang mungkin tidak ada pada orang lain ialah anda mampu untuk membaca pemikiran orang lain dengan tepat. Anda memberikan tumpuan kepada perlakuan orang lain dan menganalisa *mood* seseorang.

Anda juga selalu memerhatikan perubahan *mood* orang lain sekiranya anda mengeluarkan pendapat. Dengan ini, anda mampu untuk mengawal keadaan kerana sebelum sesiapa dapat melahirkan rasa tidak puas hati secara kurang baik terhadap anda, anda sudah terlebih dahulu mengawal dan meredakan keadaan secara diplomasi.

Kata orang, memohon maaf atas sesuatu kesalahan kita adalah satu perbuatan yang paling sukar untuk dilakukan. Namun tidak bagi anda. Sifat ikhlas dan berani dalam jiwa anda membolehkan anda memohon maaf dan mengakui kesalahan anda secara terbuka.

Kesimpulannya, kemahiran komunikasi anda sudah berada pada tahap yang boleh dibanggakan. Teruskan lagi usaha untuk meningkatkan kebolehan dan kepetahan anda berbicara.

Kategori B - Markah anda di antara 99 - 135

Anda mempunyai tahap kemahiran yang sederhana dalam komunikasi dan ada banyak aspek komunikasi yang perlu anda perbaiki.

Walau bagaimanapun, kemahiran komunikasi anda tidaklah seteruk mana, kerana anda memang sudah ada kemahiran yang baik, cuma anda perlukan masa untuk mengeksploitasi kebolehan anda pada tahap yang maksimum.

Komunikasi ialah elemen penting dalam kehidupan. Anda memahami kepentingan komunikasi dan mencuba dengan sedaya upaya untuk melakukan yang terbaik.

Masalah anda ialah anda kurang menumpukan perhatian pada kemahiran mendengar dan memahami. Anda mungkin menganggap bahawa mendengar apa-apa yang dibualkan dengan terperinci itu tidak berapa penting berbanding dengan jawapan yang harus diberikan. Tetapi hakikatnya, mendengar itu adalah satu proses yang aktif dan berterusan. Anda mesti mendengar untuk memahami kerana sekiranya anda tidak faham, anda perlu bertanyakan soalan.

Walau bagaimanapun, anda pandai untuk meluahkan apa-apa yang anda fikirkan dengan baik. Mesej yang anda sampaikan kepada pendengar adalah jelas dan tepat. Kadangkala, anda berasa sukar untuk menentukan cara penyampaian yang lebih efektif dan ini mengecewakan anda. Sebenarnya, komunikasi menjadi lebih efektif dan menarik sekiranya anda betul-betul tahu perkara yang ingin anda cakapkan.

Anda juga berhati-hati semasa mengkritik kerana anda tidak suka untuk melukakan hati orang

lain. Keadaan ini kadang-kadang merugikan anda kerana anda terpaksa memendam perasaan tidak puas hati.

Sensitiviti anda terhadap perasaan orang lain juga agak terbatas. Anda mungkin menyedari sesuatu yang anda lafazkan melukakan hati seseorang setelah orang tersebut merajuk. Anda bernasib baik kerana kebolehan memujuk anda boleh mententeramkan keadaan.

Keputusan anda menunjukkan anda secara amnya boleh mengawal emosi dengan baik. Tetapi kadangkala, jika ada hal yang melibatkan emosi, sama ada perasaan anda atau orang lain, anda berasa agak sukar untuk berkomunikasi. Anda sebenarnya kurang selesa dengan perbualan yang bersifat peribadi atau sensitif. Kadang-kadang anda sanggup bersikap hipokrit semata-mata kerana hendak menyembunyikan perasaan anda.

Anda agak selektif dalam aspek ketegasan. Ada masanya anda berasa berani untuk mengeluarkan pendapat walaupun bercanggah dengan kumpulan anda. Ada masanya pula anda berasa malu untuk meluahkan buah fikiran anda kerana takut ditertawakan. Anda takut dianggap tidak pandai.

Antara sifat anda yang menjejaskan mutu komunikasi ialah kebiasaan anda yang suka menyampuk, suka mempertahankan diri, agresif dan suka membuat anggapan yang bukan-bukan.

Kesimpulannya, anda mampu untuk memperbaiki cara berkomunikasi anda. Anda mempunyai kebolehan mendengar yang agak baik dan mampu menyampaikan mesej dengan berkesan.

Anda juga selesa untuk berada di kalangan orang ramai dan pandai menyesuaikan diri. Yang penting, anda perlu lebih tegas menyatakan pendirian anda dan berani menyatakan sesuatu yang

anda rasa benar.

Kategori C - Markah anda di antara 34 - 98

Anda sungguh lemah dalam bidang komunikasi. Banyak perkara yang perlu anda pelajari dan ketahui. Sifat anda yang tidak sensitif akan perasaan orang lain membuatkan anda sukar untuk mengawal pertuturan anda.

Dari segi kemahiran bersosial, anda sangat lemah. Anda seorang yang hidup dalam dunia anda sendiri dan tidak peduli dengan apa-apa yang orang lain kata. Anda tidak suka akan tempat yang ramai orang, walaupun semuanya saling mengenali kerana anda tidak suka untuk melayan mereka bercakap.

Anda bukanlah seorang pendengar yang baik. Anda lebih suka memotong dan menyampuk cakap orang lain tanpa memikirkan perasaan mereka. Yang penting, mereka mendengar apa-apa yang ingin anda katakan.

Anda juga tidak dapat menyampaikan sesuatu mesej dengan betul. Anda kerap kali menyampaikan hanya 70 hingga 80 peratus sahaja daripada maklumat sebenar. Ini menyebabkan pendengar anda tidak dapat melaksanakan arahan anda dengan tepat. Jika anda seorang pengurus, arahan anda kerap kali disalahertikan oleh pekerja anda dan ini menyebabkan kekecewaan kedua-dua belah pihak.

Anda kadangkala takut untuk menyuarakan pendapat terutama sekali jika anda tahu pendapat anda berlainan daripada majoriti. Anda lebih rela menjadi hipokrit daripada mengkritik seseorang secara terbuka. Walaupun anda berani untuk mengkritik, cara anda kurang berkesan dan boleh membuat orang lain marah.

Disebabkan oleh *mood* anda yang selalu berubah-ubah, anda tidak mampu untuk mengawal emosi dengan baik. Anda pemarah dan tidak pandai menyembunyikan perasaan.

Anda tidak suka menyentuh hal-hal yang kurang menyenangkan atau sedih. Oleh sebab sifat anda sebegini, anda selalu mengelakkan diri untuk membincangkan soal peribadi dan sering menukar topik. Ini menyebabkan orang lain berasa bosan dengan sikap anda dan menjauhkan diri.

Anda tidak bersifat sensitif. Oleh itu, anda tidak peka akan perubahan *mood* seseorang. Anda tidak mungkin faham sebab seseorang itu tiba-tiba terasa hati dan merajuk dengan apa-apa yang telah anda katakan. Oleh sebab tidak peka, anda jarang memohon maaf kepada orang lain. Anda sering menyangka anda seorang sahaja yang betul dan orang lain yang terlebih sensitif.

Banyak yang perlu anda perbaiki dalam cara-cara anda berkomunikasi. Anda perlu lebih prihatin terhadap perasaan orang lain dan yang penting, fikir dahulu sebelum bercakap atau melakukan sesuatu. Jika anda tidak ada perkara baik untuk diucapkan kepada seseorang, lebih baik anda berdiam diri sahaja. Itu lebih baik untuk kebaikan imej anda.